**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEGARA**

Pengawal keselamatan kilang sarung tangan maut akibat Covid-19, Sabtu lalu

# PKPD asrama Top Glove ditamatkan

**Oleh NUR HUDA MUSA**

**PETALING JAYA** – Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Top Glove, Klang, Selangor ditamatkan semalam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat selepas Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati terdapat trend penurunan kes positif yang dilaporkan dan tiada lagi sampel saringan menunggu keputusan.

"KKM telah melaksanakan sebanyak 5,805 saringan dan jumlah kumulatif kes positif adalah sebanyak 4,305 kes di asrama lelaki di Jalan Abadi 1A/KU8, asrama wanita di Jalan Abadi 1A/KU8 dan Jalan Abadi 10A/KU8.

"Sehingga kini, semua kes negatif juga telah menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Di Rumah (HSO) selama dua kali tempoh inkubasi Covid-19," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



**KERAJAAN memutuskan PKPD di Asrama Top Glove ditamatkan selepas terdapat trend penurunan kes positif.**

Katanya, sehingga kini, daripada 28 kilang yang telah ditutup, 14 kilang telah dibenarkan beroperasi semula selepas semua pekerja disaring dan kilang telah disanitasi, manakala baki 14 kilang lagi akan dibuka secara berperingkat.

"Pihak pengurusan Top Glove juga diarahkan untuk mematuhi arahan berkaitan pengurusan wabak Covid-19 dalam kalangan pekerja selepas penamatan PKPD ini," jelasnya.

Sementara itu, Top Glove dalam satu kenyataan mengesahkan kematian seorang pekerjanya disebabkan Covid-19 pada Sabtu lalu di Hospital Sungai Buloh.

Menurutnya, ia adalah kematian pertama pekerja kilang pengeluar sarung tangan itu sejak pandemik menular membabitkan 28 kilang tersebut.

"Yamnarayan Chaudhary Tharu, berusia 29 tahun dari Nepal, meninggal dunia akibat Covid-19 dengan fibrosis pada paru-paru dan telah berkhidmat lebih dua tahun," ujarnya.


13,190 pekerja Top Glove dikurung

**KERATAN *Kosmo!* 17 November 2020.**

*Kosmo!* pada 7 November lalu melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengesan kluster baharu iaitu Kluster Teratai, yang melibatkan pekerja kilang Top Glove.

Pelaksanaan PKPD di kawasan berkenaan terpaksa dibuat bermula 17 November 2020 selepas KKM mengesan 215 kes positif Covid-19.

PKPD tersebut bagaimanapun dilanjutkan dua minggu lagi sehingga 14 Disember selepas penilaian risiko KKM mendapati kes positif Covid-19 masih tinggi di kawasan itu termasuk masih terdapat kes positif dikesan dalam kalangan pekerja yang melalui ujian saringan kedua.

PKPD itu membabitkan seramai 13,190 pekerja dan hampir 1,200 penduduk sekitar.

---

# Dua lagi kluster tempat kerja, Selangor catat kes tertinggi

**Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI**

**PUTRAJAYA** – Dua lagi kluster baharu melibatkan tempat kerja iaitu Kluster Solar Ria dan Kluster Senu Setia dilaporkan semalam, antara lain penyumbang kepada kes harian negara dengan angka positif Covid-19 dicatatkan sebanyak 1,371 kes.

Daripada jumlah kes baharu itu, Selangor masih kekal melaporkan kes harian tertinggi sebanyak 532 kes atau 38.8 peratus dengan 420 kes atau 78.9 peratus daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif yang giat dijalankan petugas kesihatan di lapangan.

Seterusnya, Sabah sebanyak 283 kes atau 20.6 peratus dan Negeri Sembilan sebanyak 260 kes atau 19.0 peratus manakala, 72 kes atau 5.3 peratus membabitkan Kluster Tembok (48 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (22 kes), Kluster Matambai dan Kluster Penjara Kepayan (masing-masing satu kes).

Terdapat empat lagi kematian baharu membabitkan tiga wanita dan seorang lelaki berusia antara 40 hingga 54 di Labuan, Perak dan Sabah menjadikan sebanyak 419 kes kematian Covid-19 terkini di Malaysia.


**NOOR HISHAM**

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 46 kluster melaporkan pertambahan kes dengan tiga daripadanya merekodkan peningkatan kes tertinggi ialah Kluster Ceram (220 kes), Kluster Tapak Bina Muda (143 kes) dan Kluster Teratai (81 kes).

> Satu daripada kluster baharu yang dikenal pasti ialah Kluster Solar Ria dilaporkan di Sepang, Kuala Selangor, Gombak, Petang dan Hulu Langat, Selangor dengan kes indeks wanita berusia 28 tahun hasil saringan sebelum pulang ke negara asal."

"Satu daripada kluster baharu yang dikenal pasti ialah Kluster Solar Ria dilaporkan di Sepang, Kuala Selangor, Gombak, Petang dan Hulu Langat, Selangor dengan kes indeks wanita berusia 28 tahun hasil saringan sebelum pulang ke negara asal.

"Berikutan itu, 25 kes dikesan positif Covid-19 melibatkan sembilan warga Malaysia dan 16 warga asing," katanya pada sidang akhbar maya di Facebook Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Beliau berkata, kluster seterusnya ialah Kluster Senu Setia di Kepong, Kuala Lumpur membabitkan kes indeks lelaki berusia 37 tahun saringan sebelum pulang ke negara asal dan kemudian, sebanyak 13 lagi kes dikenal pasti kesemuanya melibatkan warga asing.

Ujarnya, daripada keseluruhan kes baharu dilaporkan semalam, satu daripadanya ialah kes import mendapat jangkitan dari luar negara manakala selebihnya ialah kes penularan tempatan.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, dua lagi kluster diisytihar tamat menjadikan sebanyak 227 kluster ditamatkan sehingga kini sekali gus menjadikan kluster aktif yang dipantau sebanyak 191 kluster.

"Kluster yang ditamatkan ialah Kluster Benteng LD di Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan dan Tuaran di Sabah melibatkan 1,146 kes positif membabitkan 675 warga Malaysia dan 471 warga asing serta satu kematian dicatatkan.

"Satu lagi kluster ialah Kluster Greenhill di Kuching, Miri dan Bintulu di Sarawak membabitkan 91 kes positif iaitu 87 warga Malaysia dan empat warga asing serta tiada kematian direkodkan," jelasnya.

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu<br>Import: 1 Tempatan: 1,370 | 1,371 |
| Pulih | 1,204 |
| Kematian | 4 |
| Masih dirawat | 13,830 |
| Jumlah kes sembuh | 70,597 |
| Jumlah Kematian | 419 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **84,846** |